



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

APLIKASI KULIT IKAN SEBAGAI AKSESORI FESYEN

Luqmanul Khakim Bin Mislaini

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)
2018**

APLIKASI KULIT IKAN SEBAGAI AKSESORI FESYEN

LUQMANUL KHAKIM BIN MISLAINI

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda

Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(Program Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: APLIKASI KULIT IKAN SEBAGAI AKSESORI FESYEN

SESI PENGAJIAN :2015/2016

Saya : LUQMANUL KHAKIM BIN MISLAINI

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Asru Asshatfi Mohamad Morni
Lecturer
Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Tandatangan Penulis

Tarikh : 06/06/2018

Tandatangan Penyelia

Tarikh : 06/06/2018

Alamat tetap :

LM 18 – 02 – 21 JALAN NIBONG 48,
TAMAN DAYA 81100 JOHOR BAHRU,
JOHOR.

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk ‘**Aplikasi Kulit Ikan Sebagai Aksesori Fesyen**’ telah disediakan oleh **Luqmanul Khakim Bin Mislaini** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Teknologi Seni Reka**).

Asrul Asshadi Mohamad Morni
Lecturer
Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

(Encik Asrul Asshadi Mohamad Morni)

Tarikh :

06/06/2018

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurnia dan inayahnya saya dapat menyiapkan tugas Projek Tahun Akhir saya ini dengan penuh amanah dan fathanah serta teratur. Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Asrul Asshadi Bin Mohammad Morni kerana beliau sentiasa meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Beliau juga telah banyak memberi semangat kepada semua pelajar.

Disamping itu juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Cik Norhayati Binti Suleiman kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berusaha dengan kudrat saya sendiri untuk menyiapkan tugas Projek Tahun Akhir saya ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan rakan seperjuangan kerana telah memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang saya menyiapkan projek ini ketika berada di fakulti dan tempat tempat yang lain. Selain itu, saya juga sangat bersyukur dan menghargai jasa pendidik yang lain di Universiti Malaysia Sarawak ini, kerana banyak memberikan bimbingan dan nasihat yang amat berguna kepada saya. Jasa mereka semua akan saya kenang hingga ke akhir hayat.

Seterusnya, terima kasih juga kepada ibu bapa saya iaitu Encik Mislaini Bin Saaban. kerana banyak membantu saya dan memberi nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan serta sokongan moral terhadap saya dan bantuan kewangan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Akhir sekali, diucapkan terima kasih juga kepada semua pihak yang telah membantu saya samada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Jasa dan pertolongan kalian amat dihargai.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Halaman Tajuk (Lampiran 1)	1
Borang Pengesahan Status (Lampiran 2)	2 - 3
Pengesahan Tanda Tangan Penyelia (Lampiran 3)	4
Penghargaan	5
Isi Kandungan	6 - 9
Abstrak	10
BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN	11 - 16
1.0 Latar Belakang Kajian	11 - 12
1.1 Masalah Kajian	12
1.2 Objektif Kajian	12
1.3 Soalan Kajian	13
1.4 Kepentingan Kajian	13
1.5 Skop Kajian	14
1.6 Batasan Kajian	14
1.7 Hipotesis	14
1.8 Kerangka Kajian	15
1.9 Kesimpulan	16
BAB 2 KAJIAN LEPAS	17 - 19

2.0 Pengenalan	17
2.1 Data Kajian	17 - 18
2.2 Kesimpulan	19
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	20 - 32
3.0 Pengenalan	20
3.1 Metodologi Kajian	20 - 21
3.2 Data Primer	21
3.3 Temu Bual	21 - 22
3.4 Pemerhatian	22 - 23
3.5 Soal Selidik	23 - 24
Bahagian A (Demograf)	24
Bahagian B (Umum)	24
Bahagian C (Reka Bentuk Produk)	24
Bahagian D (Cadangan)	25
3.6 Eksperimentasi	26 - 29
3.7 Data Sekunder	30
3.8 Pembacaan	30 - 31
3.9 Laman Sesawang	32
3.10 Kesimpulan	32
BAB 4 HASIL DAPATAN KAJIAN	33 - 45
4.0 Pengenalan	33
4.1 Data Primer	33

4.1.1 Temu Bual	33 - 34
4.1.2 Pemerhatian	34 - 35
4.1.3 Borang Soal Selidik	36 - 43
Bahagian A (Demograf)	36 - 38
Bahagian B (Umum)	38 - 39
Bahagian C (Reka Bentuk)	39 - 43
Bahagian D (Cadangan dan Komen)	43
4.2 Eksperimentasi Warna	44
4.3 Data Sekunder	45
4.4 Kesimpulan	45
BAB 5 PRODUK AKHIR	46 - 55
5.0 Pengenalan	46
5.1 Perkembangan Idea	47
5.2 Papan Konsep	48
5.3 Lakaran Idea	48 - 70
5.4 Rekaan Produk Akhir	50
5.4.1 Lakaran Spesifikasi Produk 1	51
5.4.2 Lakaran Spesifikasi Produk 2	52
5.4.3 Lakaran Spesifikasi Produk 3	53
5.4.4 Lakaran Spesifikasi Produk 4	54
5.5 Kesimpulan	55
BAB 6 VALIDASI PRODUK	56 - 63
6.0 Pengenalan	56

6.1 Proses Validasi	57 - 61
6.2 Kekuatan Produk	62
6.3 Keleman Produk	62 - 63
6.4 Kesimpulan	63
BAB 7 KESIMPULAN	64 - 65
RUJUKAN	66 - 67
LAMPIRAN	68 - 75

ABSTRAK

Penggunaan semula bahan terbuang mampu menjadi bahan alternative dalam menghasilkan produk aksesori fesyen. Kulit ikan yang terpilih akan menjalani beberapa proses rawatan yang tertentu begi mendapatkan hasil yang sesuai digunakan dan prektikal. Selain itu, ia juga akan menjalani beberapa teknik gabungan bersama bahan yang terpilih untuk menghasilkan kekemasan. Koleksi aksesori fasyen yang mengaplikasikan kulit ikan bukan saja menampilkan keunikan dalam nilai estetika dan kreatif serta eksklusif, malah mampu menampilkan sifat yang maskulin

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Kulit ikan merupakan lapisan luar yang melindungi ikan daripada bahan asing, kulit ikan merupakan bahagian paling penting pada badan mereka, kerana berfungsi sebagai pelindung badan ikan dalam daripada tercedera akibat bahan asing dan serangan pemangsa

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada golongan masyarakat tentang kepentingan bahan semula jadi yang terbuang seperti kulit ikan sebagai alternatif dalam penghasilan produk kraf yang kreatif dalam industri. Selain itu, kajian yang dijalankan untuk mengenalpasti sama ada kulit ikan mampu dijadikan bahan aksesori dan menjalankan eksperimentasi serta explorasi terhadap kulit ikan yang terpilih. Seterusnya menghasilkan produk kraf berdasarkan kulit ikan yang boleh di komersialkan.

Penyelidikan ini telah melalui beberapa kaedah rawatan seperti mencuci, nyah bau melembut, mengeringkan dan pengasingan bagi mendapatkan material kulit ikan yang berkualiti dan berpotensi untuk proses yang seterusnya. Selain itu penggunaan teknik sulaman manik sebagai bahan tambahan yang sesuai untuk gabungan bahan tambahan bagi menghasilkan reka bentuk yang lebih kreatif dan menarik. Penggunaan bahan kimia lain juga digunakan dalam kajian ini, seperti pengilat kuku dan syelek sebagai bahan untuk mejadikan tersebut lebih tahan lama dan mempu menampilkan nilai astetika padanya.

Perhiasan tambahan yang juga sebagai aksesori fashion terdapat pada pakaian atau aksesori sebagai pelengkap untuk peragaan sesuatu pakaian yang digayakan seperti barang kemas tali pinggan dan headgear.

1.1 Masalah Kajian

Pengkaji ingin mengkaji permasalahan yang terdapat pada kulit ikan. Antara masalah yang terdapat pada Kulit Ikan yang sedia ada ialah :

1. Kurang eksplorasi dan kajian terhadap kulit ikan.
2. Stuktur kulit ikan yang keras dan tebal untuk dijadikan aksesori fesyen.
3. Kurangnya/sukar untuk memperolehi kulit ikan yang bersesuaian.

1.2 Objektif kajian

Bagi mengenalpasti sama ada kulit ikan mampu dijadikan bahan aksesoris fashion, Terdapat tiga objektif yang digunakan untuk menjalankan kajian ini bagi megenalpasti dan kajian yang dibuat adalah berlandaskan kepada objektif yang telah saya susun dengan teliti iaitu antaranya ialah.:

1. Mengenalpasti kulit ikan mampu dijadikan bahan aksesoris.
2. Menghasilkan produk aksesori fashion berdasarkan kulit ikan.
3. Membuat validasi keatas produk aksesori fashion berdasarkan kulit ikan.

1.3 Soalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang timbul sewaktu ingin menjalankan kajian ini, antaranya ialah persoalan yang dapat dikenalpasti ialah :

1. Adakah kulit ikan berpotensi dijadikan aksosoris fesyen.
2. Apakah struktur kulit ikan yang sesuai untuk dijadikan aksesori fesyen.
3. Apakah reka bentuk aksesori fesyen yang kreatif dengan mengaplikasikan material kulit ikan.

1.4 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini adalah dapat menjelaskan kepentingan menggunakan bahan buangan daripada kulit ikan menjadi satu produk yang dapat digunakan. Dengan adanya kajian ini, dapat membantu dalam mengurangkan bahan buangan yang berpunca daripada kurang kesedaran tentang amalan kitar semula. Selain itu, dapat mengenalpasti cara yang sesuai bagaimana untuk menambah produk buatan tempatan terutama dalam industry seni dan kreatif. Kepentingan kajian yang terakhir adalah, dapat menjelaskan dan mendidik masyarakat tentang kebergunaan bahan buangan semulajadi yang mampu menjadikan sebuah produk yang mampu dijual semula di pasaran dan membantu industry kraf tempatan bagi membuat kajian potensi bahan mentah yang terbuang sebagai bahan alternatif.

1.5 Skop Kajian

Pengkaji telah memilih kawasan Kota Samarahan dan sekitar Universiti Malaysia Sarawak sebagai kawasan kajian bagi melaksanakan tugas ini. Antara sasaran pengkaji adalah:

1. Pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
2. Golongan yang pakar dalam bidang aksesori fesyen dan kraf.

1.6 Batasan Kajian

Terdapat beberapa faktor yang menyekat pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Antara faktor yang menjadi penghalang untuk kajian ini dijalankan ialah :

1. Kebarangkalian untuk mendapatkan ikan mengikut musim yang tertentu sahaja.

1.7 Hipotesis

Material kulit ikan akan memberi langkah alternatif dalam penghasilan produk kraf dalam industri fesyen dan kreatif.

1.8 Kerangka Kajian



Kerangka kajian ini bertujuan untuk memerhati rangka proses tentang kajian yang dijalankan berdasarkan produktif, kreatif, trend dan astetika. Ciri ciri tersebut sebagai pengaplikasian material kulit ikan dalam produk yang dihasilkan berdasarkan produktif dan kreatif. Bahan semulajadi yang terbuang digunakan bagi mengurangkan kos produktif. Penghasilan aksesori fesyen dari kulit ikan akan menampilkan ciri ciri kreatif dalam nilai astetik. Koleksi aksesori yang mengikut tren yang terkini dan semasa dengan menggunakan teknik yang sesuai dalam penghasilan aksesori fesyen.

1.9 KESIMPULAN

sudah menjadi satu tanggungjawab penyelidik untuk menjalankan kajian, bagi memastikan penambahbaikan dalam sesuatu masalah itu dapat dilakukan. Disamping memperbaiki kekurangan dan kelemahan yang terdapat pada kajian yang terdahulu. Selain itu, untuk memastikan setiap masalah yang dihadapi oleh masyarakat dapat di ketahui dan menemui jalan penyelesaiannya.

Kajian ini akan ditambah baik lagi dari semasa ke semasa untuk mencapai objektif yang telah ditetepkan oleh pengkaji. Pengkaji akan mengkaji permasalahan yang berlaku pada persekitaran yang melibatkan bahan buangan daripada ikan. Lantas menjelaskan kepentingan menjadikan bahan buangan sebagai aksesori yang menarik.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

1.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang data data kajian yang pernah dijalankan sebelum ini. Antara kajian yang pernah dijalankan dan menjadi sebagai rujukan dan pemahaman kepada pengkaji.

2.1 Data Kajian

Penyelidikan yang terdahulu pernah dilakukan oleh seorang pelajar daripada Universiti Malaysia Sarawak penyelidikan tentang Sisik Ikan Dalam Penghasilan Aksesori Fesyen Shafie, N. A (2016). Beliau menerangkan sisik ikan yang terpilih dan berpotensi dalam kajiannya telah melalui beberapa proses seperti pengasingan mengikut saiz dan rawatan yang tertentu bagi mendapatkan hasil akhir yang sesuai dan praktikal untuk dijadikan aksesori fesyen. Selain itu, proses penebukan, pewarnaan dan jahitan sulaman tangan yang menggabungkan antara sisik ikan dengan jenis jenis manik yang dipilih dengan menampilkan kekemasan yang tinggi akan menjadi hasil koleksi aksesori fashion yang tinggi nilai astetika dan kreativitinya.

Penyelidikan yang terdahulu telah menjalankan aktiviti penyelidikan tentang Aplikasi Kuliti Kacang Pistachios Dalam Penghasilan Aksesori Fesyen, beliau ialah Ludin, S. A (2016) seorang pelajar Universiti Malaysia Sarawak. Dalam penyelidikan beliau telah menekankan tentang pembaziran serta memaksimakan penggunaan kulit kacang pistachios dalam penghasilan industri kraf dan fesyen wanita. Selain itu, tujuan beliau menghasilkan aksesori fesyen dengan menggunakan kulit kacang pistachios kerana dapat menjimatkan kos bahan mentah dalam

penghasilan aksesori fesyen dan secara tifak lansung beliau dapat membantu ekonomi industry kecil dan sederhana dan industri kraf tempatan.

Kajian lepas sangat penting untuk mengetahui dimana sumber rujukan uang telah digunakan oleh penyelidik sebelum ini. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Ahmad, N. H (2012) beliau telah melakukan satu kajian berkenaan Eksplorasi Biji Buah Dan Kekacang Dalam Penghasilan Aksesori Fashion. Beliau melakukan penyelidikan ini dengan bertujuan untuk melihat potensi alam semula jadi seperti biji buah dan kekacang dalam penghasilan aksesori fesyen. Dalam kajian beliau mengatakan penghasilan aksesori daripada biji buah dan kekacang merupakan sesuatu produk yang inovatif dalam penghasilan sesebuah aksesori fashion. Oleh yang demikian, kajian tersebut mampu mempelbagaikan bahan semula jadi sebagai aksesori fesyen.

Kajian yang juga pernah dijalankan sebelum ini yang berkaitan dengan penggunaan 3R iaitu, (reduce, reuse, recycle) oleh Samiah Harun Shah, S.H (2014) juga merupakan seorang pelajar Universiti Malaysia Sarawak yang telah menjalankan penyelidikan tentang penggunaan Semula Sudu Plastik Pakai Buang Dalam Penghasilan Aksesori Fashion. Dalam kajian tersebut beliau ada menerangkan maksud Reuse iaitu guna semula iaitu penggunaan semula produk termasuklah mempelbagaikan penggunaan bahan dalam mengekalkan bentuk asalnya atau sebagai alternatif tanpa perubahan. Beliau menggunakan behan terpakai tanpa mengubah bentuk asalnya sebagai aksesori fashion. Dalam kajian tersebut, beliau menggunakan sudu plastik pakai buang sebagai medium utama penghasilan aksesori fashion.

2.2 Kesimpulan

Kesimpulanya, bab ini dapat membantu pengkaji dan meneruskan kajiannya dengan cara merujuk data penting dalam kajian yang pernah dijalankan sebelum ini dan dijadikan sebagai bahan rujukan yang membantu pengkaji meneruskan kajian ini. Data tersebut juga membantu untuk kajian yang sedang dilakukan oleh pengkaji oleh yang demikian, kajian lepas amat membantudengan memberi manfaat kepada pengkaji bagi menambahbaik kajian lepas yang pernah dijalankan oleh penyelidik yang lepas.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang proses penyelidikan Joned, R. (2010) asas dijalankan dan teori dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif iaitu pemilihan rujukan dan bahan bertulis, pemilihan dan pembentukan instrument dan teknik dan teknik penumpulan data dengan cara mengenalpasti populasi dan teknik persemplean, penggunaan statistic deskriptif dan interensi serta penjadualan persempahan serta menginterpretasi dalam penulisan laporan yang dijalankan oleh penyelidik.

3.1 Metodologi Kajian

Kajian adalah penggunaan kaedah saintifik secara formal dan sistematik untuk mengumpul data yang dikehendaki oleh pengkaji. Kaedah kajian meliputi teknik mengumpul dan menganalisis data supaya kajian yang dibuat mempunyai bukti yang mencukupi untuk menyokong kesimpulan. Kajian yang berkesan hendaklah digunakan supaya pengkaji boleh mengumpul dan memperoleh data yang sebenar dan berguna untuk membuat sintesis dan kesimpulan kajian.

Dalam kajian yang dilakukan terhadap kualitatif iaitu temubual yang dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada penyelidikan yang ingin dijalankan. Temubual ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat secara lisan, iaitu dengan soalan yang ditujukan kepada pengemar aksesori untuk mendapatkan pandangan orang ramai tentang bahan dan penghasilan aksesori fashion. Manakala kaedah kuantitatif ialah penyelidik menggunakan instrumen seperti soal selidik dan ujian pencapaian bagi mengutip data. instrument berfungsi sebagai alat perantaraan antara penyelidik dengan responden. Penyelidik menyediakan soalan yang

berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan, bagi memperolehi maklumat secara terperinci daripada responden tentang penggunaan material yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai produk aksesori fashion. Kaedah seterusnya adalah kaedah sekunder yang diperolehi daripada pencarian di dalam media massa iaitu terdiri daripada pembacaan buku buku rujukan, tesis jurnal dan internet.

3.2 Data Primer

Data primer adalah data yang diperoleh terus daripada responden. Data primer boleh diperolehi melalui soal selidik dan pemerhatian. Data primer merupakan maklumat yang diperolehi daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif. Melalui kaedah ini penyelidik telah menjalankan temubual dan pemerhatian

3.3 Temu Bual

Temu bual adalah satu kaedah kajian yang amat penting kerana ia membantu pengkaji meneroka dan mendapatkan maklumat kajian secara mendalam. Sering kali dalam kajian, ada banyak maklumat yang tidak dapat diperolehi melalui kaedah pemerhatian, dokumentasi ataupun catatan diari seseorang Pengkaji perlu berhubung dan bersua muka secara terus menerus dengan responden untuk mendapat maklumat secara langsung.

Dalam penyelidikan ini, kaedah temubual digunakan untuk mendapatkan hasil dapatan daripada data kajian yang berkenaan dengan penyelidikan yang dijalankan secara terperinci dan tepat. Proses temu bual melibatkan beberapa individu yang terlibat antaranya pengguna aksesori fashion. Penyelidikan telah mengedarkan soalan yang ingin ditanyakan kepada responden.

Ketika temu bual dijalankan, penyelidik telah membahagikan kepada bahagian soalan kepada responden. Antara soalan yang diajukan kepada responden adalah tentang penggunaan bahan, rekaan, warna dan nilai estetika kulit ikan dalam penghasilan aksesori fashion yang. Selain itu, temubual juga dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis aksesori yang digemari oleh pengemar aksesori fashion, terutamanya kaum wanita yang mengikut perkembangan semasa dan tren terkini. Dengan mengaplikasikan kulit ikan sebagai bahan alternatif untuk menghasilkan aksesori fesyen. Temu bual yang dijalankan kepada pengusaha aksesori fashion dan penjual untuk mengetahui material yang digunakan, rekaan yang sedia ada di masaran serta mendapatkan maklumat tentang aksesori kulit ikan.

3.4 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temuduga. Melalui pemerhatian, penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dikenal pasti. Peranan penyelidik ialah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku mendengar serta tingkah laku subjek sama ada dari jauh atau dari dekat.

Dalam kaedah pemerhatian, proses pemerhatian dijalankan secara sistematik terutamanya terhadap aksesori yang telah dikenalpasti sedia ada di pasaran, material yang digunakan, reka bentuk produk yang diapai mengikut tren semasa oleh si pemakainya. Selain itu, penyelidik juga melakukan tinjauan di sekitar bandaraya Kuching dan Serikin, yang berada di sempadan Malaysia

Indonesia. Yang tertumpu pada lokasi responden yang menjual aksesori dan cenderahati pada pelancong tempatan dana sing. Pemerhatian juga dijalankan dikawasan pembuangan sisa sisik dan kulit ikan seperti di pasar ikan. Pemerhatian ini dapat membantu begi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan lebih banyak untuk membantu kajian yang sedang dijalankan.

3.5 Soal Selidik

Soal selidik merupakan satu kaedah di mana suatu susunan soalan yang tersusununtuk mendapatkan respon daripada responden.Responden dikehendaki untuk menjawab soalan yang dikemukakan dalam borangsoal selidik. Nilai penyelidikan bergantung kepada mutu soal selidik maka, ia amat penting bagi pengkaji.Soal selidik akan kabur sekiranya mutu soal selidik tidak dititikberatkan. Bertujuan untuk mendapatkan data daripada responden.Ia berkait rapat dengan permasalahan yang menyebakan kajian tersebut dilakukan. Setiap soalan haruslah saling berhubung bagi mengukur konsep yang hendak dikajidalam hipotesis.

Kaedah kuantitatif ini, pengkaji akan mengedarkan boring soal selidik sebanyak 30 keping kepada 30 orang responden. Soal selidik ini dilakukan untuk memperolehi data data dan maklumat secara bertulis yang sahih dan tepat daripada pengguna dan pereka aksesori.

Pada boring soal selidik yang diedarkan, mengandungi 4 bahagian soalan yang dikemukakan dalam boleh tersebut iaitu, bahagian A (Demografi) iaitu maklumat yang berkaitan dengan latar belakang dan keperibadian responden, bahagian B (Umum) yang berkaitan dengan aksesori fashion manakala bagahian C (reka bentuk produk) adalah berkaitan dengan reka bentuk aksesori yang diingini oleh responden, dan bahagian D (cadangan atau komen responden). Soalan